

Tun M sedia lepas jawatan dalam tempoh tiga tahun

Perdana Menteri tetap berpegang pada janji

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.cotii.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dalam tempoh dua atau tiga tahun, walaupun ada pihak mahu dirinya kekal sehingga habis penggal Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Perdana Menteri berkata, sesiapa sahaja berhak memberi pendapat supaya beliau kekal menjadi Perdana Menteri, namun beliau tetap berpegang kepada janji.

"Sava berjanji akan letak jawatan bila saya dapati situasi negara berada dalam keadaan baik dan ia boleh diteruskan selepas itu. Mungkin dua atau tiga tahun," katanya selepas merasmikan pembukaan Persidangan Meja Bulat Bersama Komuniti Dewan Perniagaan Antarabangsa di sini, semalam.

Ditanya sama ada keputusan meletakkan jawatan adalah muktamad atau boleh dipertimbangkan semula, Perdana Menteri secara berseloroh menjawab: "Ke-euali ada orang tolak saya ke satu sudut dan hala senapang ke kepala dan suruh saya kekal sampai habis penggal, jadi saya akan teruskan, (tetapi) saya akan tunai-kan janji."

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan beberapa pihak termasuk Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang mahu beliau terus kekal sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal.

Baru-baru ini, Mohamed Azmin



Dr Mahathir berucap pada pembukaan Persidangan Meja Bulat Bersama Komuniti Dewan Perniagaan Antarabangsa di PICC, Putrajaya, semalam. (Foto Ahmad Irham Mohd Noor / BH)

dilaporkan berkata, kepemimpinan Dr Mahathir diperlukan untuk menjamin kestabilan, kesinambungan dan ketuntasan dasar kerajaan bagi merangsang pelaburan,

mencipta peluang pekerjaan serta kekayaan untuk semua.

Beliau juga yakin kestabilan politik akan menjana keutuhan dasar dan kebijakan negara ter-

masuk konsep *shared prosperity* yang bakal mengembalikan Malaysia sebagai Harimau Asia.

Kelmarin, lima Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dari Selangor, mahu Dr Mahathir Mohamad berkhidmat sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal PRU-14.

Mereka ialah ADUN Selat Kelang, Abdul Rashid Asari; Sallehudin Amiruddin (Kuang); Mohd Shaid Rosli (Jeram); Harumaini Omar (Batang Kali) dan Adhif Syan Abdullah (Dengkil).

Sallehudin dilaporkan berkata, semua pihak patut menyokong usaha Dr Mahathir memulihkan ekonomi negara dan tidak wajar didesak untuk menyerahkan jawatan perdana menteri kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Aidiladha disambut Ahad

Kuala Lumpur: Umat Islam di Malaysia akan menyambut Aidiladha pada Ahad, 11 Ogos ini.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dalam satu kenyataan berkata, tarikh tersebut diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

"Bagi menyempurnakan titah perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, setelah diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Malaysia mengisytiharkan bahawa 1 Zulhijah, 1440 Hijriah ialah pada 2 Ogos, 2019 Masehi.

"Oleh yang demikian, Hari Raya Qurban (10 Zulhijah) bagi negeri-negeri seluruh Malaysia ialah pada Ahad, 11 Ogos 2019 Masehi," menurut kenyataan itu.

BERNAMA